

# **Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (IGFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak**

Hani Bahiyah Bahari<sup>1</sup>, Ummu Salmah Mohamad Hussin<sup>2</sup>, Siti Nur Izyandiyana  
binti Ab Hadi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>(Jabatan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia)

<sup>2</sup>(Jabatan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia)

<sup>3</sup>(Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia)

---

**ABSTRAK :** *Perakaunan akruan merupakan asas perakaunan yang membolehkan liabiliti hutang kerajaan dipantau, pelaporan kedudukan serta prestasi kerajaan dijana dengan lebih telus dan tepat. Sejalan dengan itu, Jabatan Akaun Negara Malaysia (JANM) telah membangunkan sistem yang lebih bersepadu iaitu '1 Government Financial Management Accounting System' (IGFMAS). Migrasi dari sistem lama kepada sistem baru (IGFMAS) didapati telah memberi impak yang ketara dalam pelaksanaan pengurusan kewangan di organisasi kerajaan yang terlibat. Kecekapan tadbir urus terutama dalam sudut kewangan telah menurun dan rungutan mula timbul terutama berkaitan kesukaran pengguna menggunakan sistem tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti penggunaan, kepuasan dan persepsi pengguna terhadap sistem IGFMAS ini. Kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik dilaksanakan secara spesifik ke atas pegawai dan kerani di unit-unit kewangan pejabat-pejabat pendidikan daerah seluruh negeri Perak. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 22.0 dan dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa penggunaan IGFMAS mempermudah tugas-tugas pengurusan kewangan dan memerlukan kursus atau sesi pementapan profesion dari masa ke semasa. Walaubagaimanapun, penggunaan sistem ini masih di tahap yang rendah. Ini berkemungkinan kerana banyak modul-modul utama di dalam sistem ini yang tidak digunakan kerana had kuasa kerja pengguna di peringkat responden sendiri tidak membenarkannya.*

**KATA KUNCI -** *IGFMS, Pengurusan Kewangan, Perakaunan Akruan*

---

## **I. PENGENALAN**

Bidang kewangan dan perakaunan merupakan bidang yang penting dan menjadi tunjang dalam sesebuah organisasi. Kelancaran pengurusan kewangan dan perakaunan sesebuah organisasi juga menjadi mandat kepada kestabilan sesebuah organisasi apatah lagi sekiranya ia adalah sebuah organisasi kerajaan. Proses-proses kerja seperti kawalan bajet, penerimaan bajet, perbelanjaan bajet dan penyelenggaraan bajet adalah antara proses kerja kewangan yang amat penting dalam sesebuah organisasi.

Dalam memastikan pengurusan kewangan dalam sesebuah organisasi kerajaan dapat beroperasi dengan baik, pelaksanaan pendigitalan ke atas proses-proses kewangan turut dilaksanakan dan ini melibatkan peruntukan yang amat besar terutama dalam proses penyediaan perkakasan dan perisian yang diperlukan. Bagi melaksana dan merealisasikan pengurusan kewangan elektronik ini, Jabatan Akaun Negara (JANM) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan aplikasi pengurusan dan perakaunan kewangan atau dengan ringkasnya dikenali sebagai EGAG.

Pada awal permulaan pengurusan kewangan elektronik ini, JANM telah menggunakan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GFMS bagi melancarkan kutipan hasil dan proses pembayaran. Sistem GFMS digunakan di peringkat Pejabat Perakaunan iaitu di JANM manakala Sistem Perancangan Dan Kawalan Belanjawan Elektronik atau lebih dikenali sebagai eSPKB dan sistem eTerimaan digunakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) seluruh negeri Perak merupakan di antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menggunakan sistem eSPKB dan eTerimaan ini.

Seiring dengan peredaran masa yang menuntut kepada pelaksanaan perakaunan secara akruan iaitu selaras dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi dan pelaksanaan 'Outcome Based Budgeting' (OBB), sistem sedia ada yang sedang digunakan oleh JANM sudah tidak relevan dan tidak mampu

## *Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

---

digunakan lagi. Pelaksanaan perakaunan akruan adalah merupakan asas perakaunan yang membolehkan pelaporan kedudukan dan prestasi kerajaan dijana dengan lebih telus dan tepat. Menurut Ernst & Young (2011), perakaunan akruan telah dikenalpasti sebagai lebih berkeupayaan dalam memantau liabiliti dan hutang kerajaan yang mana ianya mendedahkan implikasi sebenar ke atas ekonomi.

Sejajar dengan itu, JANM komited membangunkan sistem yang lebih bersepadu iaitu '*1 Government Financial Management Accounting System*' atau lebih dikenali sebagai 1GFMAS. Mulai Januari 2018, pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan telah mula menggunakan sistem 1GFMAS bagi sebagai ganti kepada sistem eTerimaan, eSPKB dan GFMAS bagi menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan perakaunan akruan ini.

Walaupun bagaimanapun, 1GFMAS ini merupakan satu sistem yang amat baru dilaksanakan. Walaupun fungsian-fungsian utama telah dibangunkan, namun sejauhmanakah kelancaran sistem tersebut masih di dalam kajian dan pemerhatian Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sehingga kini.

Bagi membolehkan aduan terhadap permasalahan atau kegagalan sistem 1GFMAS sepanjang tempoh pelaksanaannya ini, satu '*platform*' aduan secara online telah disediakan kepada pengguna-pengguna agar setiap permasalahan yang berlaku dapat diutarakan secara terus dan dapat diselesaikan dalam kadar yang segera. Melalui '*platform*' ini juga, pihak yang bertanggungjawab dalam menyelenggara sistem 1GFMAS ini dapat membuat tindakan susulan agar dapat memperbaiki pengoperasian sistem 1GFMAS tersebut supaya permasalahan yang sama tidak berulang.

Migrasi dari sistem lama (eSPKB) kepada sistem baru (1GFMAS) didapati telah memberi impak yang ketara dalam pelaksanaan pengurusan kewangan di organisasi kerajaan yang terlibat. Kecekapan tadbir urus terutama dalam dari sudut kewangan telah menurun. Rungutan mula timbul terutama berkaitan kesukaran pengguna menggunakan sistem tersebut apatah lagi apabila melibatkan perubahan dari sistem lama yang sedia ada dengan sistem baru yang pastinya memakan masa. Hal ini yang mendorong pengkaji mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan sistem 1GFMAS ini dalam membantu pengurusan kewangan terutama di pejabat-pejabat pendidikan daerah di negeri Perak.

Keberkesanan penggunaan sistem tersebut dikaji dari skop dan pandangan pengguna sistem itu sendiri iaitu berdasarkan tahap penggunaan, tahap kepuasan pengguna dan persepsi pengguna serta hubungkaitnya terhadap keberkesanan penggunaan sistem 1GFMAS itu sendiri.

Berpandukan pernyataan masalah yang dinyatakan, objektif dan tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk:

1. Mengetahui tahap penggunaan sistem 1GFMAS di dalam pengurusan kewangan di PPD seluruh negeri Perak.
2. Mengetahui tahap kepuasan pengguna sistem 1GFMAS di dalam pengurusan kewangan di PPD seluruh negeri Perak.
3. Mengetahui tahap persepsi pengguna sistem 1GFMAS di dalam pengurusan kewangan di PPD seluruh negeri Perak.

## **II. KAJIAN LITERATUR**

Beberapa kajian mendapati maklumat perakaunan akruan paling banyak digunakan dalam pembuatan keputusan (Andriani et al., 2010; Kober et al., 2010; Sousa et al. 2013 serta membuat perbandingan prestasi antara organisasi yang lebih baik (Zarandi et al., 2013). Walaupun banyak kajian lepas yang telah mengiktiraf penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam pembuatan keputusan, sebahagian kajian lepas pula mendapati maklumat perakaunan akruan kurang digunakan kerana maklumat perakaunan tunai masih mendominasi dalam fungsi utama pembuatan keputusan (Cohen et al., 2009; Kobayashi et al., 2016; Nogueira et al., 2013). Kajian mengenai sistem perakaunan akruan di Malaysia pernah dijalankan ke atas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Perak bagi melihat tahap penggunaan maklumat perakaunan asas akruan dalam pembuatan keputusan dalam persekitaran PBT, serta faktor-faktor yang menentukan tahap penggunaan maklumat tersebut. Hasil kajian menunjukkan tahap penggunaan maklumat perakaunan dalam pembuatan keputusan adalah tinggi dan faktor sikap, norma subjektif dan

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

kawalan tingkah laku mempunyai hubungan signifikan yang positif terhadap tahap penggunaan (Jamaliah Jainal dan Norida Basnan, 2018).

Menurut (Picciano,1998), terdapat tiga asas utama dalam membangunkan dan mengukuhkan sistem pengurusan kewangan yang berasaskan komputer dalam sesebuah organisasi iaitu pangkalan data, perisian pengiraan elektronik dan perisian asas automasi pejabat (*office automation*) terutamanya seperti perisian penulisan (*word processing*) bagi menguruskan dokumen. (Picciano, 1998) juga turut menyatakan bahawa terdapat juga aplikasi-aplikasi lain yang mampu menyokong pengurusan kewangan iaitu seperti perisian-perisian statistik serta program dan perisian komputer yang bertindak sebagai menggantikan proses kerja secara manual sebelum itu.

Myb kena tambah kajian terkini aplikasi komputer mengenai perakaunan akruan ni.

### III. METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan borang kaji selidik. Sampel kajian adalah pemegang-pemegang Id Pengguna dan Katalaluan yang telah dibekalkan oleh JANM. Mereka terdiri daripada warga pejabat pendidikan daerah yang terdiri dari Pegawai Pendidikan, Ketua Pembantu Tadbir, Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir Kewangan dan Pembantu Akauntan yang bertugas di pejabat pendidikan daerah. Lokasi yang dipilih adalah seperti Jadual 3.1.

Bil	Lokasi	Bil.Pegawai	Bil. Staf Bukan Pegawai
1.	PPD Kinta Selatan	7	4
2	PPD Kinta Utara	6	3
3.	PPD Batang Padang	4	3
4.	PPD Hilir Perak	3	3
5.	PPD Manjung	3	3
6.	PPD Hulu Perak	2	2
7.	PPD Larut Matang Selama	2	2
8.	PPD Perak Tengah	2	3
9.	PPD Kerian	2	2
10.	PPD Kualim	0	1
11.	PPD Bagan Datoh	1	1
Sampel		33	27
Jumlah Sampel		60 orang	

Jadual 3.1 : Senarai Populasi dan Sampel

Melalui kajian ini, instrumen kajian adalah borang soal selidik yang diedarkan bagi tujuan mendapatkan maklum balas daripada responden. InXi adalah kerana menurut Mohd Majid Konting (1990), kelebihan kaedah pengedaran soal selidik ialah dapat mengelakkan bias di antara penyelidik dan responden seterusnya memberi tempoh yang cukup untuk responden memberikan maklumbalas. Melalui borang kaji selidik tersebut, soalan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

- Bahagian I : Latar belakang responden,
- Bahagian II : Tahap penggunaan 1GFMAS
- Bahagian III : Tahap kepuasan pengguna 1GFMAS
- : Item-item soalan dikategorikan kepada tiga kategori iaitu sudut pelaksanaan kerja, pengetahuan dan kemahiran serta impak positif
- Bahagian IV : Persepsi pengguna pengguna 1GFMAS.
- : Item-item dikategorikan kepada tiga kategori iaitu kesediaan sendiri, peningkatan secara berpasukan dan pihak pengurusan

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

Analisis data bagi tahap kegunaan, kepuasan dan persepsi pengguna sistem 1GFMAS ini ditunjukkan melalui jadual taburan min dan sisihan piawai. Ia digambarkan dalam tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Ini adalah berdasarkan taburan min yang diperolehi. Julat skala telah dibahagikan kepada tiga bahagian [ (4-1) / 3], maka julat di antara tahap adalah bernilai 1.33 diperolehi. Pembahagian skor bagi setiap tahap tersebut dapat dilihat di dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Nilai skor purata tahap kegunaan, kepuasan dan persepsi sistem 1GFMAS.

Tahap kegunaan, kepuasan dan persepsi pengguna sistem 1GFMAS	Skor Purata
Rendah	1.00 hingga 1.99
Sederhana	2.00 hingga 2.99
Tinggi	3.00 hingga 3.99

#### IV. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

##### 4.1 Analisa tahap penggunaan sistem 1GFMAS.

Sebanyak 11 soalan telah dikemukakan untuk melihat tahap penggunaan 1GFMAS ini di dalam pengurusan kewangan Pejabat Pendidikan Daerah seluruh negeri Perak. Tahap penggunaan ini adalah berdasarkan modul yang ditawarkan di dalam sistem 1GFMAS tersebut yang mempunyai fungsian yang berbeza iaitu seperti pada Jadual 4.1.

Tahap Penggunaan	N	Min	Max	Purata	Std. Dev
Tanggungjawab Kontrak Kerajaan	57	3	4	3.53	.504
Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan)	57	4	4	4.00	.000
Tanggungjawab Kontrak Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan)	57	1	4	2.04	1.375
Waran Perjalan Udara Awam	57	1	1	1.00	.000
Pesanan Kerajaan (Kerja)	57	1	2	1.25	.434
Tanggungjawab Kontrak (Kerja)	57	1	4	2.09	1.327
Arahan Pengurangan Kuantiti Bekalan & Perkhidmatan	57	1	1	1.00	.000
Daftar Perubahan Tanggungjawab Kontrak	57	1	2	1.18	.384
Batal Perubahan Tanggungjawab Kontrak	57	1	2	1.32	.469
Daftar Perubahan Pesanan	57	1	2	1.05	.225
Batal Perubahan Pesanan	57	1	2	1.07	.258
Arahan Pembayaran	57	4	4	4.00	.000
<b>Jumlah Purata</b>	<b>57</b>	<b>1.67</b>	<b>2.67</b>	<b>1.96</b>	<b>0.414</b>

Jadual 4.1: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan 1GFMAS

Jadual 4.1 memberikan gambaran tahap penggunaan 1GFMAS secara keseluruhan daerah adalah di tahap rendah iaitu berdasarkan taburan min item iaitu 1.96 yang berada dalam lingkungan julat min 1.00 – 1.99. Ini menunjukkan bahawa tidak semua pengguna di PPD Negeri Perak menggunakan modul tersebut. Ini berkemungkinan kerana, modul tersebut hanya digunakan oleh Unit Pembangunan PPD yang mempunyai seorang sahaja pemegang ID.

Terdapat juga modul-modul yang masih belum dan tidak pernah digunakan iaitu seperti Waran Perjalan Udara Awam dan Arahan Pengurangan Kuantiti Bekalan di mana kesemua responden memberi maklumbalas yang sama iaitu Tidak Pernah menggunakan modul tersebut. Ini adalah kerana kedua-dua modul fungsian tersebut tiada kaitan penggunaannya di peringkat PPD. Ini amat memberi kesan kepada nilai min purata daripada keseluruhan nilai min bagi Tahap Penggunaan sistem 1GFMAS secara umumnya.

Namun begitu ini berbeza pula terhadap modul yang mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu seperti modul Tanggungjawab Kontrak, Pesanan Tempatan dan Arahan Pembayaran. Ketiga-tiga modul ini adalah merupakan

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

proses kerja yang utama di dalam sesebuah proses pembayaran. Ia melibatkan janaan Pesanan Tempatan (LO) dan Baucer Pembayaran.

#### 4.2 Analisa tahap kepuasan pengguna 1GFMAS

Sebanyak 17 item telah dimasukkan di dalam borang kaji selidik bagi mengenalpasti Tahap Kepuasan Pengguna 1GFMAS. Bagi tahap kepuasan penggunaan 1GFMAS dinilai dari tiga sudut iaitu pelaksanaan kepuasan dalam pelaksanaan tugas, kepuasan dalam kompetensi dan imej serta kepuasan dalam kesan positif yang diterima oleh pengguna. Kajian menunjukkan bahawa rata-rata pengguna mendapat kepuasan dalam penggunaan sistem 1GFMAS ini melalui sudut Pelaksanaan Tugas di mana nilai min adalah 3.07 melebihi min keseluruhan iaitu 2.88 (Jadual 4.12). Ini bermakna responden mengakui bahawa mereka mampu melaksanakan tugas-tugas pengurusan kewangan seharian dengan lebih mudah, cekap, selamat dan berkesan.

<b>Pelaksanaan Tugas</b>	<b>Min</b>	<b>Max</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Kerja-kerja pengurusan dapat dilaksanakan dengan cepat	2	4	3.74	.483
Urusan Pesanan Tempatan dapat dikurangkan	1	5	1.89	1.129
Urusan Pesanan Tempatan serta pembayaran dapat dijalankan dengan cekap, selamat dan berkesan	4	4	4.00	0.000
Penggunaan 1GFMAS dapat menjimatkan masa /tenaga	1	4	3.05	1.368
Penggunaan 1GFMAS tidak dapat membantu mengurangkan beban tugas saya di pejabat.	1	4	2.67	1.107
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>3.07</b>	<b>0.817</b>

Jadual 4.3: Nilai Purata dan Sisihan Piawai Tahap Kepuasan Pengguna 1GFMAS (Pelaksanaan Tygas)

<b>Pengetahuan dan Kemahiran</b>	<b>Min</b>	<b>Max</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Pembayaran kepada kontraktor dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat	1	4	3.05	1.407
Penggunaan 1GFMAS tidak dapat meningkatkan prestasi dan kualiti kerja saya	1	4	1.65	.813
Pihak swasta memahami karenah dan faedah pengurusan kewangan melalui 1GFMAS ini.	1	4	1.81	1.246
Penggunaan 1GFMAS secara meluas dapat menaikkan imej PPD	1	4	3.91	.474
<b>Jumlah Purata</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>2.61</b>	<b>0.985</b>

Jadual 4.4: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Kepuasan Pengguna 1GFMAS (Pengetahuan dan Kemahiran)

<b>Impak Positif</b>	<b>Min</b>	<b>Max</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Kaedah pembayaran terus ke dalam akaun dapat menghindarkan fitnah berkaitan penyelewengan	2	4	3.88	.381
Masalah berurusan dengan pihak swasta dapat dikurang	1	1	1.00	0.000
1GFMAS sesuai digunakan sebagai data laporan rasmi.	4	4	4.00	0.000
Pengurusan bajet, agihan kerja / bekalan ke sekolah serta penyeliaan dan pemantauan disediakan dengan teratur	4	4	4.00	0.000
1GFMAS ini sudah sepatutnya dijalankan sejak lama dulu	1	4	3.30	.981
Kemahiran dan pengalaman saya bertambah menggunakan 1GFMAS.	4	4	4.00	0.000

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

Penggunaan 1GFMAS tidak dapat meningkatkan tahap kepuasan bekerja di pejabat	1	3	1.89	.859
Penggunaan 1GFMAS tidak meningkatkan kemahiran saya mengurus tugas seharian	1	3	1.63	.672
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2.25</b>	<b>3</b>	<b>2.96</b>	<b>0.362</b>

Jadual 4.5: Purata Dan Sisihan Piawai Tahap Kepuasan Pengguna 1GFMAS (Impak Positif)

Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan 1GFMAS dalam pengurusan kewangan mampu memberi kesan yang positif. Di samping itu tahap kepuasan yang tinggi telah membuktikan bahawa wujudnya tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan penggunaan 1GFMAS sebagai semua mekanisma atau sistem pembayar berkomputer yang hebat. Melalui penggunaan 1GFMAS ini, segala beban tugas kewangan yang semakin bertambah dapat diatasi oleh pihak pengurusan PPD dengan jayanya walaupun tahap kepuasan yang tinggi tersebut lebih berkisar kepada pelaksanaan tugas terutama kepada modul-modul utama di dalam sistem tersebut. Bagi skop pengetahuan dan kemahiran, nilai min bagi Tahap kepuasan masih berada di tahap yang rendah. Berdasarkan Jadual 4.6 menunjukkan secara keseluruhannya, purata bagi tahap kepuasan pengguna berada di tahap sederhana iaitu diantara julat 2.00-2.99 seperti di dalam Jadual 4.6.

Tahap kepuasan	Purata	Sisihan Piawai
Pelaksanaan Kerja	3.07	0.817
Pengetahuan dan kemahiran	2.61	0.985
Impak positif	2.96	0.362
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2.88</b>	<b>0.721</b>

Jadual 4.6: Purata Dan Sisihan Piawai Tahap Kepuasan Pengguna

#### 4.3. Analisis tahap persepsi pengguna 1GFMAS

Di dalam bahagian ini, tahap persepsi pengguna telah dinilai dari tiga aspek iaitu dari sudut kesediaan sendiri, peningkatan berpasukan dan pengurusan.

Tahap Persepsi Pengguna (Kesediaan Kendiri)	Min	Max	Purata	Sisihan Piawai
Gembira menggunakan 1GFMAS	1	2	1.84	.368
Melakukan tugas dengan baik	2	2	2.00	0.000
Bersedia menggunakan 1GFMAS	2	2	2.00	0.000
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1.95</b>	<b>0.123</b>

Jadual 4.7: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Persepsi Pengguna (Kesediaan Kendiri)

Tahap Persepsi Pengguna (Peningkatan Berpasukan)	Min	Max	Purata	Sisihan Piawai
Perlu berkemahiran	2	2	2.00	0.000
Perlu lebih banyak pendedahan	2	2	2.00	0.000
Latihan dan sokongan mencukupi	2	2	2.00	0.000
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2.00</b>	<b>0.000</b>

Jadual 4.8: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Persepsi Pengguna (Peningkatan Berpasukan)

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

<b>Tahap Persepsi Pengguna (Pengurusan)</b>	<b>Min</b>	<b>Max</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Berminat mengikuti kursus 1GFMAS	2	2	2.00	0.000
Bersedia belajar lagi	2	2	2.00	0.000
Mendapat galakan pihak atasan	1	2	1.33	.476
Makmal komputer yang khusus dan selesa	1	2	1.16	.368
Penyediaan infra struktur mencukupi oleh kerajaan.	1	2	1.37	.487
Banyak peraturan yang perlu dipatuhi	2	2	2.00	0.000
<b>Jumlah Purata</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1.64</b>	<b>0.222</b>

Jadual 4.15: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Persepsi Pengguna (Pengurusan)

Sebanyak 12 item telah dimasukkan di dalam borang kajiselidik bagi mengenalpasti Tahap Persepsi Pengguna 1GFMAS. Bagi tahap Persepsi Pengguna 1GFMAS secara keseluruhannya berada dalam julat sederhana di mana nilai purata adalah 1.86. Walaubagaimanapun, terdapat tiga item yang mempunyai nilai min yang agak rendah. Ada di antara responden yang mengakui bahawa dalam melaksanakan penggunaan sistem 1GFMAS ini, makmal komputer yang khusus dan selesa perlu disediakan. Malahan penyediaan infra struktur lain juga turut tidak mencukupi oleh kerajaan dalam proses pelaksanaan sistem baru ini.

<b>Tahap kepuasan</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Kesediaan Kendiri	1.95	0.123
Peningkatan berpasukan	2.00	0.000
Pengurusan	1.64	0.222
<b>Jumlah Purata</b>	<b>1.86</b>	<b>0.115</b>

Jadual 4.16: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Persepsi Pengguna 1GFMAS

Jadual 4.16 menunjukkan purata dan Sisihan Piawai tahap persepsi pengguna terhadap sistem 1GFMAS ini. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai keseluruhan min secara puratanya adalah ditahap sederhana iaitu 1.86.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kajian ini banyak memberi impak yang positif kepada pengurusan kewangan terutama di dalam seluruh PPD Negeri Perak. Meskipun tahap penggunaan 1GFMAS berada di tahap rendah, namun rata-rata mengakui bahawa sistem 1GFMAS ini amat membantu dalam pelaksanaan pengurusan kewangan di setiap PPD di negeri Perak ini. Hasilnya, dengan adanya teknologi sebegini, ia mampu mempertingkatkan perkhidmatan kerajaan sekaligus meningkatkan keupayaan kerja agar lebih pantas dan mudah.

Ini bermakna masyarakat hari ini bukan sekadar bergantung kepada sistem perkomputeran untuk memudahkan kerja rutin seharian, malahan ia juga bergantung kepada bagaimana penggunaan sistem itu sendiri serta kepuasan pengguna terhadap sistem tersebut. Dalam memastikan sistem 1GFMAS ini dalam diangkat sebagai satu sistem yang hebat, persepsi pengguna terhadap sistem tersebut juga perlu dititikberatkan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan diutarakan bertujuan bagi meningkatkan tahap penggunaan 1GFMAS dalam pengurusan kewangan. Beberapa tindakan yang terancang oleh para pengguna 1GFMAS perlu dilakukan secara berterusan dalam usaha untuk memantapkan pengurusan kewangan 1GFMAS ini. Antaranya ialah pelaksanaan kursus-kursus bagi menambahkan lagi pengetahuan dikalangan pengguna berkaitan fungsian sebenar sistem ini. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan pengguna untuk hadir berkursus dan mempelajari sistem 1GFMAS ini. Kajian akan datang dicadangkan untuk mengkaji tahap penggunaan dan kemahiran 1GFMAS di kalangan pegawai dan staf kewangan Kajian ini juga amat perlu bagi memastikan pihak pentadbir atasan dapat

*Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak*

---

turut melaksanakan pengurusan kewangan agar lebih produktif.

## REFERENCES

- Andriani Y., Kober R. & Ng J. (2010). Decision usefulness of cash and accrual information: public sector managers' perceptions. *Australian Accounting Review*, No. 53, 20(2).
- Cohen S., Kaimenakis N. & Venieris G. (2009). Reaping the benefits of two worlds: An exploratory study of the cash and the accrual accounting information roles in local government. EGPA Conference 2009 Study Group on Public Sector Financial Management Malta, 2-5 September 2009.
- Jamaliah Jainal, Norida Basnan. (2018). Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan Piha Berkuasa Tempatan di Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 1-12.
- Kobayashi M., Yamamoto K., Fujii H., Ishikawa K. & Sato A. (2016). Usefulness of accrual information in non-mandatory environment: the case of Japanese local government. *Australian Accounting Review*, 26(2), 153–161.
- Picciano, A.G (1998). *Educational Leadership and Planning for Technology*. 2nd ed, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Sousa G., Vasconcelos F., Caneca L., Niyama K. (2013). Accrual basis accounting in the Brazilian Public Sector: Empirical research on the usefulness of accounting information. *12th USP Sao Paulo*, 24(63), 219-230.
- Zarandi, P., Ghafarib, E., Arab, M. & Mohsen, S. (2013). Accrual-based accounting system versus cash-based accounting: An empirical study in municipality organization, *Management Science Letters*, 3, 251–256.